

Terma & Syarat Kad Kredit-i AFFIN ISLAMIC

ISI KANDUNGAN

1. Takrif
2. Penerimaan Kad
3. Mekanisme Pembiayaan
4. Pembaharuan Kad/Penambahan atau Pengurangan Kekal Had Kemudahan
5. Pembayaran Harga Jualan
6. Kemudahan Kad
7. Penggunaan Kad
8. Mata Ganjaran AFFIN Rewards/Pulangan Tunai
9. PIN dan Bayar ("CIP & PIN") - PIN dan Penggunaan Kad yang Mana Berkenaan
10. Arahan-arahan Telekomunikasi
11. Tanggungjawab dan Liabiliti
12. Kad Tambahan
13. Akaun Kad
14. Had Kemudahan
15. Kewajipan Membayar
16. Tempoh Bebas Kadar Keuntungan untuk Transaksi Runcit
17. Kadar Keuntungan
18. Yuran dan Caj
19. Kesilapan/Percanggahan dan Pemberitahuan
20. Pengecualian Liabiliti
21. Hak-hak Terlibat
22. Transaksi Luar Negara
23. Penamatan, Penggantungan atau Penyekatan Hak Penggunaan Kad
24. Hak Untuk Mengumpul dan Menolak Selesai
25. Lain-lain

PERJANJIAN AHLI KAD

Atas pertimbangan Affin Islamic Bank Berhad (pihak 'Bank') bersetuju memberikan Ahli Kad (seperti yang ditakrifkan di bawah) kemudahan yang ditawarkan oleh pihak Bank, Perjanjian Ahli Kad ("Perjanjian ini") bersetuju dengan terma dan syarat berikut. Adalah penting bagi Ahli Kad untuk membaca dengan teliti dan memahami terma dan syarat di bawah sebelum menggunakan Kad.

1. TAKRIF

Dalam Perjanjian ini, perkataan-perkataan dan frasa-frasa yang dirujuk di bawah membawa maksud seperti berikut:

- 1.1 **"Perlantikan Bank sebagai Ejen"** merujuk kepada perlantikan Bank sebagai Ejen bagi pihak Ahli Kad, dalam menyempurnakan transaksi-transaksi seperti berikut (1) pembelian aset Komoditi pada Harga Jualan Bank berdasarkan kepada prinsip Murabahah (2) penjualan Komoditi kepada pihak pembeli ketiga.
- 1.2 **"ATM"** hendaklah bermaksud Mesin Pengeluaran Tunai.
- 1.3 **"Pedagang Yang Dibenarkan"** hendaklah bermaksud mana-mana peruncit atau lain-lain orang, firma ataupun perbadanan yang bersetuju untuk menerima atau menyebabkan rangkaianannya untuk menerima Kad tersebut apabila diserahkan secara teratur.
- 1.4 **"Harga Belian Bank"** hendaklah bermaksud amaun yang perlu dibayar atau dibayar oleh Bank kepada Penjual Komoditi bersamaan dengan Had Kemudahan bagi Kad.

- 1.5 **"Harga Jualan Bank"** hendaklah bermaksud harga jualan yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank yang mana terdiri daripada Harga Belian Bank dan keuntungan oleh pihak Bank [Kos Komoditi (Had Kemudahan) + Keuntungan].
- 1.6 **"Tempoh Pembilan"** hendaklah bermaksud tempoh yang mana semua pembelian barang-barang dan/atau perkhidmatan, Pengeluaran Tunai, yuran-yuran dan caj-caj yang ditanggung oleh Ahli Kad direkodkan oleh pihak Bank di dalam Penyata bulanan.
- 1.7 **"Kad"** hendaklah bermaksud AFFIN DIVENTIUM, AFFIN INVIKTA Visa Infinite, AFFIN INVIKTA World Mastercard, AFFIN World Mastercard, AFFIN AVANCE™ Visa, AFFIN AVANCE™ Mastercard, AFFIN AVANCE™ Afiliasi, AFFIN AVANCE™ Visa/Mastercard dengan Kemudahan Tunai, AFFIN DUO+ (AFFIN DUO+ Visa dan AFFIN DUO+ Mastercard), AFFIN Visa Signature, AFFIN Platinum Mastercard, AFFIN UKM Alumni Premier World, AFFIN UKM Alumni Mastercard, AFFIN UiTM, AFFIN MPN, AFFIN DUO (AFFIN DUO Visa Cash Back dan AFFIN DUO Mastercard Rewards), AFFIN Mastercard Gold, AFFIN Mastercard Classic, AFFIN Mastercard Basic dan AFFIN AURA atau lain-lain Kad yang dikeluarkan oleh pihak Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.
- 1.8 **"Ahli Kad"** hendaklah bermaksud individu yang mana Kad dikeluarkan kepadanya dan namanya dicetak di atas Kad dan di mana tandatangannya sebagai bukti Ahli Kad adalah pengguna Kad yang sah.
- 1.9 **"Akaun Kad"** hendaklah bermaksud akaun Ahli Kad yang dibuka dengan pihak Bank untuk tujuan Perjanjian ini, yang meliputi Harga Jualan, prinsipal dan keuntungan, dan juga yuran dan caj yang berkenaan dengan penggunaan Kad.
- 1.10 **"Transaksi Tanpa Kad"** merujuk kepada bayaran transaksi Kad dimana Kad tidak berada secara fizikal di tempat jualan.
- 1.11 **"Pengeluaran Tunai"** merujuk kepada pengeluaran tunai daripada Akaun Kad di cawangan-cawangan pihak Bank yang telah ditetapkan, cawangan-cawangan kepada bank-bank ahli Visa International/Mastercard International yang mengambil bahagian ataupun di ATM pihak Bank yang telah ditetapkan dan ATM bank-bank ahli Visa International/Mastercard International.
- 1.12 **"Draf-draf Pengeluaran Tunai"** hendaklah bermaksud slip-slip pembayaran, borang-borang atau kertas-kertas yang berkaitan yang diberikan kepada Ahli Kad oleh cawangan-cawangan pihak Bank yang telah ditetapkan, cawangan-cawangan kepada bank-bank ahli Visa International/Mastercard International yang mengambil bahagian ataupun di ATM pihak Bank yang telah ditetapkan dan ATM bank-bank ahli Visa International/Mastercard International untuk tujuan merekod, mengesah dan sebagai keterangan terhadap Pengeluaran Tunai oleh Ahli Kad melalui penggunaan Kad yang akan dicaj ke Akaun Kad.
- 1.13 **"Komoditi"** merujuk kepada mana-mana Komoditi yang diperdagangkan di mana-mana platform perdagangan yang diluluskan oleh pihak Bank (kecuali emas dan perak) atau lain-lain Komoditi aset, yang mana bagi setiap kes, Komoditi atau aset tersebut diterima oleh pihak Bank.
- 1.14 **"Pembekal Komoditi"** merujuk kepada pihak yang membeli atau menjual Komoditi melalui Platform Perdagangan Komoditi.
- 1.15 **"Platform Perdagangan Komoditi"** merujuk kepada platform berasaskan web elektronik untuk perdagangan Komoditi.

- 1.16 **"Pembaca Tanpa Sentuh"** bermaksud alat pembayaran tanpa sentuh dengan hanya melayangkan Kad pada Pembaca Tanpa Sentuh yang dihubungkan kepada Terminal Tempat Jualan Elektronik. Klausula ini hanya terpakai untuk Kad tanpa sentuh.
- 1.17 **"Baki Semasa"** hendaklah bermaksud baki yang terdahulu dan jumlah pembelian barangan dan/atau perkhidmatan, Pengeluaran Tunai oleh Ahli Kad dan mana-mana yuran dan caj yang dikenakan oleh pihak Bank ditolak bayaran yang dibuat oleh Ahli Kad dan dikreditkan ke Akaun Kad semasa Tempoh Pembilan.
- 1.18 **"e-perbankan"** bermaksud peruntukan produk dan perkhidmatan perbankan melalui saluran elektronik, termasuk melalui internet, peranti mudah alih, telefon, ATM dan mana-mana saluran elektronik lain.
- 1.19 **"Kadar Keuntungan Efektif"** bermaksud kadar keuntungan yang dikenakan kepada transaksi runcit dan transaksi pengeluaran tunai berdasarkan kepada keadaan transaksi yang dirujuk dalam Klausula 17.
- 1.20 **"Terminal Tempat Jualan Elektronik"** bermaksud peranti yang menerima satu atau lebih Kad pembayaran bagi melengkapkan transaksi Kad.
- 1.21 **"Had Kemudahan"** hendaklah bermaksud had yang diberi oleh pihak Bank untuk penggunaan kemudahan Kad.
- 1.22 **"Barangan dan Perkhidmatan Halal"** hendaklah bermaksud barangan dan perkhidmatan yang dibenarkan dan selaras dengan prinsip Syariah.
- 1.23 **"Arahan"** bermaksud sebarang notis, arahan tuntutan atau komunikasi lain yang mungkin diberi melalui transaksi telefon atau e-mel oleh Ahli Kad atau bagi pihaknya.
- 1.24 **"Bayaran Minimum"** merujuk kepada jumlah minimum yang perlu dibayar oleh Ahli Kad menjelang Tarikh Kena Dibayar.
- 1.25 **"Murabahah"** merujuk kepada jual beli aset yang mana kos pemilikan dan keuntungan adalah didedahkan kepada pembeli.
- 1.26 **"Tarikh Kena Dibayar"** hendaklah bermaksud dua puluh (20) hari dari Tarikh Penyata Kad seperti yang tertera di dalam Penyata.
- 1.27 **"PIN"** hendaklah bermaksud Nombor Pengenalan Peribadi yang diserahkan kepada Ahli Kad untuk membolehkan akses ke transaksi-transaksi Kad melalui ATM ataupun di Terminal Tempat Jualan Elektronik.
- 1.28 **"Kadar Keuntungan"** merujuk kepada kadar keuntungan yang merangkumi kadar keuntungan siling (bagi pengiraan Harga Jualan Bank) dan Kadar Keuntungan Efektif seperti dalam Klausula 17.
- 1.29 **"Tempoh Bebas Kadar Keuntungan"** merujuk kepada tempoh dua puluh (20) hari dari Tarikh Penyata untuk transaksi tersebut dengan syarat tiada baki belum jelas di dalam Akaun Kad Ahli.
- 1.30 **"Transaksi Luar Negara"** bermaksud selain daripada kod mata wang Malaysia.
- 1.31 **"Tarikh Diposkan"** hendaklah bermaksud hari di mana transaksi-transaksi yang dilakukan di premis Pedagang Yang Dibenarkan dipindahkan oleh Pedagang Yang Dibenarkan kepada pihak Bank.

- 1.32 **"Aku Janji untuk Membeli"** merujuk kepada aku janji daripada Ahli Kad kepada pihak Bank, yang mana Ahli Kad akan membeli aset Komoditi daripada pihak Bank pada Harga Jualan Bank.
- 1.33 **"Transaksi Runcit"** merujuk kepada transaksi-transaksi selain daripada Pengeluaran Tunai (transaksi bukan tunai), yuran dan lain-lain caj.
- 1.34 **"Penyata"** hendaklah bermaksud Penyata atau e-Penyata Kad berkala yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad yang menunjukkan, antara lain, amaun yang dicaj, Tarikh Kena Dibayar dan proses pengiraan Kadar Keuntungan.
- 1.35 **"Tarikh Penyata"** hendaklah bermaksud hari yang mana Penyata tersebut dikeluarkan.
- 1.36 **"Resit-resit Transaksi"** hendaklah bermaksud slip-slip pembayaran, borang-borang atau kertas-kertas yang relevan yang dibekalkan oleh pihak Bank untuk tujuan merekod, mengesah dan sebagai keterangan terhadap pembelian barangan ataupun perkhidmatan-perkhidmatan digunakan oleh Ahli Kad melalui penggunaan Kad yang akan dicaj ke Akaun Kad.
- 1.37 **"Aktiviti yang Menyalahi Undang-undang"** hendaklah bermaksud sebarang aktiviti yang berkait, secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana kesalahan serius di Malaysia atau di luar negara.
- 1.38 **"Visa International"** hendaklah bermaksud Pertubuhan Perkhidmatan Visa International, sebuah pertubuhan yang diperbadankan di Delaware, Amerika Syarikat.
- 1.39 **"Mastercard International"** hendaklah bermaksud Mastercard International Incorporated, perbadanan keahlian yang dianjurkan di bawah undang-undang Delaware, Amerika Syarikat
- 1.40 Perkataan-perkataan yang merujuk kepada nombor tunggal meliputi nombor majmuk dan sebaliknya.
- 1.41 Perkataan-perkataan yang merujuk jantina maskulin termasuk feminin dan neutral.

2. PENERIMAAN KAD

- 2.1. Apabila menerima Kad, Ahli Kad hendaklah menandatangani Kad dengan serta-merta dan mengaktifkan Kad mengikut kaedah yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- 2.2. Penggunaan Kad adalah terhad kepada individu Kad tersebut dikeluarkan yang mana akan menandatangani Kad tersebut dengan serta-merta sebaik sahaja menerima Kad. Kegagalan untuk mematuhi keperluan ini akan mendedahkan Ahli Kad kepada risiko kecurian dan/atau penggunaan Kad yang tidak sah, yang mana pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku.
- 2.3. Pihak Bank akan mengeluarkan PIN untuk Kad tersebut kepada Ahli Kad bagi tujuan melakukan transaksi di ATM dan di Terminal Tempat Jualan Elektronik.
- 2.4. Dengan penerimaan Kad tersebut, Ahli Kad adalah bertanggungjawab untuk:
- a. patuh kepada terma dan syarat penggunaan Kad;
 - b. menjalankan semua penjagaan dan mengambil langkah berhati-hati dan berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan Kad dan PIN selamat setiap masa, termasuk di tempat kediaman Ahli Kad. Ini termasuk tidak:
 - i. mendedahkan butiran Kad atau PIN kepada pihak lain;
 - ii. menulis PIN di atas Kad, atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad;

- iii. menggunakan PIN yang dipilih dari tarikh lahir Ahli Kad, kad pengenalan, lesen memandu atau nombor perhubungan;
 - iv. membenarkan pihak lain menggunakan Kad atau PIN; dan
 - v. melakukan penipuan.
- c. memaklumkan pihak Bank dengan kadar segera yang munasabah selepas mendapati Kad telah hilang, dicuri, transaksi tidak dibenarkan telah berlaku atau PIN telah terjejas;
 - d. memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera apabila menerima Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) amaran transaksi bagi transaksi tidak dibenarkan;
 - e. memaklumkan dengan segera kepada pihak Bank mengenai sebarang pertukaran nombor perhubungan Ahli Kad;
 - f. menggunakan Kad dengan bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad untuk Aktiviti yang Menyalahi Undang-undang; dan
 - g. menyemak Penyata Akaun Kad dan melaporkan sebarang pencanggahan dalam tempoh empat belas (14) hari dari Tarikh Penyata Ahli Kad.

3. MEKANISME PEMBIAYAAN

- 3.1. Kad ini beroperasi di bawah konsep Shariah Tawarruq.
- 3.2. Tawarruq merujuk kepada siri kontrak jualan di mana pembeli membeli aset komoditi daripada penjual secara bayaran tertangguh dan kemudian menjual aset komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai dengan harga yang kurang daripada harga tertangguh, dengan objektif untuk mendapatkan tunai.
- 3.3. Dengan menandatangani borang permohonan, Ahli Kad telah bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan seperti berikut:
 - 3.3.1. Aku Janji untuk Membeli, yang mana Ahli Kad beraku janji untuk membeli Komoditi daripada pihak Bank pada Harga Jualan setelah Bank membeli Komoditi tersebut daripada penjual Komoditi, dan
 - 3.3.2. Perlantikan pihak Bank sebagai Ejen kepada Ahli Kad untuk memuktamadkan pembelian Komoditi daripada pihak Bank bagi pihak Ahli Kad pada Harga Jualan Bank berdasarkan kepada Murabahah (kos campur keuntungan).
 - 3.3.3. Berikutan daripada Klausula 3.3.2, Ahli Kad boleh memilih untuk melaksanakan salah satu perkara berikut:
 - a) Pilihan 1: Melantik pihak Bank sebagai Ejen kepada Ahli Kad untuk memuktamadkan penjualan Komoditi kepada pihak pembeli ketiga menurut Klausula 3.3.2.
 - b) Pilihan 2: Mengambil serahan Komoditi tersebut dan kos serta caj yang berkaitan akan ditanggung oleh Ahli Kad. Di bawah pilihan ini, Ahli Kad mengaku janji akan melakukan pembayaran Harga Jualan secara sekaligus selepas penyempurnaan transaksi Murabahah. Ahli Kad tersebut turut bersetuju bahawa tiada amaun pembiayaan akan dimasukkan ke dalam akaun Ahli Kad dan Kad tidak akan dikeluarkan kepada Ahli Kad.
- 3.4. Menurut Klausula 3.3 di atas:
 - 3.4.1. Pihak Bank akan membeli Komoditi daripada Pembekal Komoditi pada Harga Belian Bank.
 - 3.4.2. Pihak Bank kemudiannya akan menjual Komoditi kepada Ahli Kad (diwakili oleh pihak Bank sebagai Ejen) pada Harga Jualan berdasarkan kepada Murabahah (yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada pihak Bank).
 - 3.4.3. Untuk memuktamadkan Klausula 3.4.2 di atas, pihak Bank seterusnya akan mengeluarkan sijil pemilikan Ahli Kad ke atas Komoditi.
 - 3.4.4. Menurut Klausula 3.3.3, yang berikut akan dilaksanakan:
 - (a) Jika Pilihan 1 dipilih, pihak Bank, sebagai Ejen bagi pihak Ahli Kad, akan menjual Komoditi kepada pihak pembeli ketiga pada Harga Belian Bank.

- (b) Jika Pilihan 2 dipilih, Ahli Kad akan mengambil serahan Komoditi tersebut dan kos serta caj yang berkaitan akan ditanggung oleh Ahli Kad. Ahli Kad mengaku janji akan melakukan pembayaran Harga Jualan secara sekaligus selepas penyempurnaan transaksi Murabahah. Ahli Kad tersebut turut bersetuju bahawa tiada amaun pembiayaan akan dimasukkan ke dalam akaun Ahli Kad dan Kad tidak akan dikeluarkan kepada Ahli Kad.
- 3.4.5. Hasil daripada jualan tersebut akan tersedia kepada Ahli Kad tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Perjanjian ini.

4. PEMBAHARUAN KAD DAN PENAMBAHAN ATAU PENGURANGAN KEKAL HAD KEMUDAHAN

Menurut Aku Janji Pembelian, Ahli Kad berjanji berdasarkan prinsip Wa'd, untuk membeli Komoditi daripada pihak Bank di bawah asas Murabahah dengan harga jualan tertanggung sejurus selepas pembelian Komoditi tersebut oleh pihak Bank daripada Pembekal Komoditi semasa pembaharuan kad/penambahan atau pengurangan kekal had kemudahan Kad.

5. PEMBAYARAN HARGA JUALAN

- 5.1. Harga Jualan atau sebahagian daripadanya yang masih belum dibayar akan dibayar oleh Ahli Kad menurut Penyata Kad yang dikeluarkan oleh pihak Bank pada Tarikh Kena Dibayar atau dalam sebarang jumlah lain yang dinyatakan dalam Penyata Kad. Jumlah yang dinyatakan dalam Penyata Kad yang matang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad hendaklah, sekiranya tiada kesilapan ketara, menjadi bukti muktamad bahawa jumlah tersebut adalah matang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada pihak Bank. Semua bayaran yang dibuat oleh Ahli Kad menurut setiap Penyata Kad hendaklah dianggap sebagai bayaran untuk menjelaskan Harga Jualan atau bahagian yang belum dibayar di bawah Terma dan Syarat ini.
- 5.2. Walau apa pun peruntukan Klausa 5.1. di atas, selepas menerima Penyata Kad, Ahli Kad hendaklah membayar kepada pihak Bank Bayaran Minimum atau sehingga jumlah baki belum jelas sebelum atau pada Tarikh Kena Dibayar seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kad.
- 5.3. Semua bayaran ke Akaun Kad hendaklah dibuat dalam mata wang pembilan dalam Penyata Kad. Bayaran oleh Ahli Kad tidak akan dianggap sudah dibuat sehingga bayaran tersebut telah diterima nilainya oleh pihak Bank. Semua bayaran menerusi cek luar hendaklah disertakan dengan komisen tukaran dalam negeri, mana-mana yang berkenaan. Kegagalan memasukkan komisen tersebut membolehkan pihak Bank untuk mendebitkan akaun Ahli Kad dengan jumlah tersebut.
- 5.4. Walau apapun yang terkandung dalam mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian ini, pihak Bank hendaklah bertanggungjawab menguatkuasakan semua atau sebarang bayaran tersebut dalam sebarang cara lain yang dianggap sesuai dan wajar atas budi bicara pihak Bank.

6. KEMUDAHAN KAD

- 6.1. Kad tersebut dikeluarkan bagi tujuan penggunaan yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa mengikut budibicara pihak Bank termasuk tetapi tidak terbatas kepada yang berikut:
 - a. pembayaran untuk mana-mana pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dari Pedagang Yang Dibenarkan, yang mana pembayaran tersebut boleh dicajkan kepada akaun Ahli Kad;
 - b. Pengeluaran Tunai daripada mana-mana saluran tunai dibenarkan dan/atau ATM;
 - c. mana-mana transaksi ATM yang dilakukan melalui lain-lain akaun Ahli Kad; atau
 - d. kemudahan-kemudahan lain, tertakluk pada pra-perjanjian dengan pihak Bank, jika terpakai.

7. PENGGUNAAN KAD

- 7.1.
 - a. Ahli Kad hendaklah memasukkan PIN 6 digit di Terminal Tempat Jualan Elektronik untuk melakukan pembelian kredit melalui penggunaan Kad.
 - b. Ahli Kad hendaklah memberikan maklumat Kad yang berkaitan seperti yang diminta untuk melengkapkan transaksi dalam talian melalui laman sesawang yang selamat. Apabila diperlukan, kod pengesahan atau “*One-Time-Password*” (OTP) akan dihantar ke nombor telefon bimbit Ahli Kad yang berdaftar dengan pihak Bank bagi melengkapkan transaksi dalam talian. Dengan memberikan maklumat tersebut bagi tujuan melaksanakan transaksi dalam talian, ia akan dianggap oleh pihak Bank sebagai satu transaksi Kad yang dibuat.
 - c. Untuk melakukan transaksi Pengeluaran Tunai, Ahli Kad hendaklah memasukkan PIN 6 digit di ATM dan/atau Terminal Tempat Jualan Elektronik atau menandatangani Draf Pengeluaran Tunai di kaunter. Dokumentasi yang dicatatkan berikutan daripada transaksi Pengeluaran Tunai akan dianggap oleh pihak Bank sebagai satu Transaksi Kad yang dilakukan dan dibenarkan sepenuhnya. Amaun bagi setiap Pengeluaran Tunai adalah terhad kepada Akaun Kad/had Pengeluaran Tunai sedia ada dan terhad kepada tiga (3) kali sehari.
- 7.2. Bagi Kad tanpa sentuh, Ahli Kad boleh melayangkan Kad pada Pembaca Tanpa Sentuh yang dihubungkan kepada Terminal Jualan Elektronik untuk transaksi di bawah RM250. Ahli Kad hendaklah memasukkan PIN atau menandatangani Resit Transaksi sekiranya PIN tidak disokong atau tidak boleh dilaksanakan bagi transaksi luar negara atau apabila transaksi melebihi RM250 atau melebihi had terkumpul bagi transaksi tanpa sentuh.
- 7.3. Ahli Kad hendaklah mematuhi segala keperluan, arahan dan garis panduan tentang penggunaan Kad yang dikeluarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan segala kemudahan dan perkhidmatan kredit dan perbankan yang diberikan kepada Ahli Kad.
- 7.4.
 - a. Pihak Bank berhak untuk menganggap rekod transaksi yang dibuat dengan penggunaan Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi yang dilakukan melalui pembelian dalam talian atau edagang atau pesanan pos atau telefon sebagai bukti hutang yang dilakukan secara sah oleh Ahli Kad untuk didebitkan ke akaun Ahli Kad; dan
 - b. Ahli Kad bersetuju bahawa rekod bagi mana-mana transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad adalah muktamad dan terikat ke atas Ahli Kad untuk segala tujuan, sehingga laporan mengenai kehilangan atau kecurian atau penggunaan Kad yang tidak sah telah diterima oleh pihak Bank.
- 7.5. Walau apa pun yang terkandung dalam Klausa 7.1 di atas, pembelian boleh juga dilakukan dengan memberikan Pedagang Yang Dibenarkan nombor Kad bersama dengan butiran lain seperti yang tercatat pada Kad dan tanpa keperluan tandatangan Ahli Kad atau PIN seperti dalam kes pembelian yang dibuat melalui dagangan elektronik, pesanan pos dan pesanan telefon.
- 7.6. Ahli Kad akan menggunakan Kad untuk transaksi patuh Syariah sahaja.

8. MATA AFFIN REWARDS/PULANGAN TUNAI

- 8.1 Ahli Kad berhak untuk Mata AFFIN Rewards dan/atau pulangan tunai ke atas transaksi runcit berdasarkan jadual di bawah:

Produk	Mata Ganjaran AFFIN Rewards/Pulangan Tunai
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN DIVENTIUM 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> 8X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit luar negara. 1X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit dalam negara.
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN INVIKTA Visa Infinite AFFIN INVIKTA World Mastercard 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> 5X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit luar negara. 1X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit dalam negara.
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN World Mastercard 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> 3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit luar negara. 1X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit dalam negara.
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN AVANCE™ Visa AFFIN AVANCE™ Mastercard AFFIN AVANCE™ Visa/ Mastercard dengan Kemudahan Tunai AFFIN AVANCE™ Afiliasi MAAM AFFIN AVANCE™ Afiliasi MIEA AFFIN AVANCE™ Afiliasi BOA AFFIN AVANCE™ Afiliasi TRR AFFIN AVANCE™ Afiliasi OPA AFFIN AVANCE™ Afiliasi ANSARA 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> 3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi makanan dan transaksi yang dibuat di Badan-badan Professional di Malaysia. 1X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit lain.
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN AVANCE™ Afiliasi PROTON 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> 3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi menjamu selera, dalam talian /e-Dagang dan transaksi di Proton / servis Proton. 1X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit lain.
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN AVANCE™ Afiliasi MSU 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> 3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi menjamu selera, barangan runcit dan dalam talian / e-Dagang. 1X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit lain.
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN AVANCE™ Afiliasi MIP 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> 5X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit pada hari minggu. 1X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit pada hari bekerja.
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN DUO+ (AFFIN DUO+ Visa dan AFFIN DUO+ Mastercard) 	<p>Pulangan Tunai</p> <ul style="list-style-type: none"> Pulangan tunai 3% untuk transaksi tanpa sentuh (transaksi RM250 ke bawah) terhadap kepada maksimum RM100 dengan syarat berikut dengan AFFIN DUO+ Visa: <ul style="list-style-type: none"> Sehingga RM100 untuk Ahli Kad yang mempunyai baki terdahulu RM8,000 dan ke atas.

Produk	Mata Ganjaran AFFIN Rewards/Pulangan Tunai
	<ul style="list-style-type: none"> - Sehingga RM50 untuk Ahli Kad yang mempunyai baki terdahulu bawah RM8,000. <p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> • 3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi syarikat penerbangan, e-Dagang/dalam talian, bebas cukai, hotel dan transaksi runcit luar negara dengan AFFIN DUO+ Mastercard. • Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk kategori di atas akan diberikan pada Kod Kategori Pedagang (MCC) terpilih seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Syarikat penerbangan (3000 – 3299) - e-Dagang/dalam talian (01,81,09,10) - Bebas cukai (5309) - Hotel (3501 – 3999, 7011) - Transaksi Luar Negara
<ul style="list-style-type: none"> • AFFIN MPN 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <p>3X Ganjaran Mata AFFIN Rewards untuk transaksi Bil Automatik, e-Dompet, Dalam Talian/e-Dagang, Makan, Hotel, Tiket dan Tawaran Penerbangan dan transaksi runcit luar negara.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • AFFIN Visa Signature 	<p>Pulangan Tunai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pulangan tunai 3% untuk transaksi tanpa sentuh (transaksi RM250 ke bawah) terhadap kepada maksimum RM100 dengan syarat berikut: <ul style="list-style-type: none"> - RM100 untuk Ahli Kad yang mempunyai baki terdahulu RM8,000 dan ke atas. - RM50 untuk Ahli Kad yang mempunyai baki terdahulu bawah RM8,000.
<ul style="list-style-type: none"> • AFFIN DUO (AFFIN DUO Visa Cash Back dan AFFIN DUO Mastercard Rewards) 	<p>Pulangan Tunai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pulangan tunai 3% ke atas transaksi e-Dagang/dalam talian, e-Dompet dan bil automatik, terhadap kepada maksimum RM50 sebulan dengan syarat berikut dengan AFFIN DUO Visa Cash Back: <ul style="list-style-type: none"> - Sehingga RM50 untuk Ahli Kad yang mempunyai baki terdahulu RM3,000 dan ke atas. - Sehingga RM30 untuk Ahli Kad yang mempunyai baki terdahulu bawah RM3,000. <p><i>Nota: Pulangan tunai maksimum yang diperolehi daripada transaksi e-Dompet ialah RM30 sebulan untuk dua (2) syarat di atas.</i></p> <p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> • 3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi makanan, barangan runcit dan transaksi di stesen minyak dengan AFFIN DUO Mastercard Rewards.
<ul style="list-style-type: none"> • AFFIN UKM Alumni Premier World 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> • 3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi makanan dan e-Dagang/dalam talian dan transaksi runcit luar negara.

Produk	Mata Ganjaran AFFIN Rewards/Pulangan Tunai
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN UKM Alumni Mastercard 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> 3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi makanan dan e-Dagang/dalam talian.
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN UiTM 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> 5X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit pada hari minggu. 1X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi runcit pada hari bekerja.
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN Platinum Mastercard 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> 3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi makanan, barang runcit dan transaksi dalam talian/e-dagang. 1X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk lain-lain transaksi runcit.
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN Mastercard Gold AFFIN Mastercard Classic 	<p>Mata Ganjaran AFFIN Rewards</p> <ul style="list-style-type: none"> 1X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk semua transaksi.
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN AURA AFFIN Mastercard Basic 	Mata Ganjaran AFFIN Rewards tidak diberikan untuk sebarang transaksi.

- 8.2 Transaksi luar negara merujuk kepada transaksi yang dibuat dalam mata wang selain daripada kod mata wang Malaysia – MYR, termasuk transaksi runcit, transaksi dalam talian, Pesanan Mel / Pesanan Telefon (MOTO), bil automatik dan transaksi berulang.
- 8.3 Mata AFFIN Rewards akan diberikan ke atas semua transaksi runcit kecuali untuk:
- Transaksi yang dibuat di stesen minyak - Kod Kategori Pedagang (MCC) 5541 dan 5542
 - Transaksi perkhidmatan kerajaan dan utiliti – MCC 9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405, 4814, 4816, 4821, 4899 dan 4900
 - Transaksi yang berkaitan dengan kerja amal – MCC 8398
- Klausa ini tidak terpakai untuk AFFIN DUO Mastercard Rewards dan AFFIN Mastercard Basic
- 8.3 Pulangan tunai untuk AFFIN Visa Signature dan AFFIN DUO Visa Cash Back tidak sah untuk:
- Transaksi perkhidmatan kerajaan - MCC 9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402 dan 9405.
 - Transaksi yang berkaitan dengan kerja amal – MCC 8398
 - Pembayaran melalui Perbankan Dalam Talian, JomPay, FPX dan Pesanan Mel/Pesanan Telefon (MOTO).
- 8.4 Pulangan tunai untuk AFFIN Visa Signature, AFFIN DUO+ Visa, dan AFFIN DUO Visa Cash Back akan dikira berdasarkan kitaran Penyata Kad. Pulangan tunai akan dikreditkan pada tarikh kitaran Penyata setiap Kad dan akan ditunjukkan dalam Penyata bulan semasa Ahli Kad Utama. Sekiranya transaksi tanpa sentuh atau transaksi yang layak untuk pulangan tunai diposkan dalam hari yang sama dengan tarikh kitaran Penyata Kad, pulangan tunai untuk transaksi-transaksi tersebut akan dikreditkan dalam Penyata seterusnya dan tertakluk kepada had bulanan tunai untuk penyata kad seterusnya.

9. PIN DAN BAYAR (“CIP & PIN”) - PIN DAN PENGGUNAAN KAD YANG MANA BERKENAAN

- 9.1 Pihak Bank akan memperuntukkan PIN sementara kepada Ahli Kad. PIN sementara tersebut akan dihantar kepada Ahli Kad melalui SMS ke nombor telefon bimbit Ahli Kad yang berdaftar

dengan pihak Bank atau melalui lain-lain kaedah yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

- a. PIN sementara bagi Kad baharu yang dikeluarkan akan dihantar kepada Ahli Kad apabila Kad tersebut berjaya diaktifkan.
 - b. Sekiranya Ahli Kad lupa PIN atau PIN sementara telah tamat tempoh, PIN sementara baharu akan dikeluarkan dan dihantar melalui SMS atas permintaan Ahli Kad dengan menghubungi pihak Bank di 03-8230 2222 atau 03-8230 2323 (untuk kad Premium AFFIN).
 - c. PIN sementara hanya sah untuk tempoh tiga puluh (30) hari selepas PIN tersebut dikeluarkan.
- 9.2 Setelah menerima PIN sementara, Ahli Kad hendaklah menukar PIN sementara tersebut di ATM pihak Bank sendiri dan/atau di saluran-saluran selamat lain yang dibenarkan oleh pihak Bank.
- 9.3 Sekiranya terdapat transaksi tidak dibenarkan, berlaku kehilangan atau kecurian Kad, atau nombor PIN telah terdedah kepada mana-mana pihak yang lain, Ahli Kad hendaklah dengan segera menghantar borang pertikaian yang lengkap kepada pihak Bank sekiranya Kad tersebut telah digunakan untuk transaksi yang tidak dibenarkan. Satu salinan laporan polis hendaklah dihantar kepada pihak Bank dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh transaksi tidak dibenarkan dilakukan. Kad dan PIN baharu akan dikeluarkan apabila diminta oleh Ahli Kad. Ahli Kad tidak boleh menggunakan PIN sedia ada dengan Kad gantian.
- 9.4 Ahli Kad tidak boleh mendedahkan PIN kepada mana-mana pihak dalam apa jua keadaan. Sekiranya PIN telah terdedah kepada mana-mana pihak, Ahli Kad hendaklah melaporkannya kepada pihak Bank dengan segera.
- 9.5 Dalam memilih PIN, Ahli Kad **TIDAK BOLEH** memilih PIN yang jelas atau mudah diramal, termasuk:
- a. mewakili tarikh lahir Ahli Kad;
 - b. menjadi PIN abjad, yang boleh dikenali sebahagian dari nama Ahli Kad;
 - c. terdiri daripada nombor berurutan (contohnya 123456, 654321 dan sebagainya);
 - d. terdiri daripada semua nombor yang sama (contohnya 111111); atau
 - e. terdiri daripada nombor yang berulang (contohnya 112233, 123123).
- 9.6 Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa amaun transaksi adalah betul sebelum menandatangani sebarang Resit Transaksi atau rekod transaksi atau sebelum memasukkan PIN pada mana-mana Terminal Tempat Jualan Elektronik, dimana Ahli Kad dianggap telah bersetuju dengan transaksi tersebut dan mengesahkan amaun tersebut adalah betul.
- 9.7 Ahli Kad memberi kebenaran dan bersetuju bahawa PIN akan bertindak sebagai satu cara untuk mengesahkan dan menentusahkan transaksi Ahli Kad di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini di Terminal Tempat Jualan Elektronik.

10 ARAHAN TELEKOMUNIKASI

- 10.1 Pihak Bank akan mengesahkan identiti Ahli Kad dan kata laluan melalui proses keselamatan yang dilaksanakan oleh pihak Bank (yang boleh ditukar dari semasa ke semasa).

- 10.2
- a. Segala notis, permintaan atau komunikasi lain (termasuk notis yang dihasilkan oleh komputer/penyata yang tidak memerlukan tandatangan) dari pihak Bank di bawah Perjanjian ini akan diberikan secara bertulis kepada Ahli Kad di alamat Ahli Kad, menerusi atau secara elektronik (termasuk e-mel) seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan dan/atau maklumat terakhir yang terdapat dalam rekod pihak Bank. Notis tersebut boleh diberikan atau dibuat melalui pos, elektronik (termasuk e-mel), penghantaran peribadi atau cara lain seperti yang ditentukan oleh pihak Bank. Notis atau sebarang komunikasi lain yang diambil harus diberikan kepada Ahli Kad:
 - i. Tujuh (7) hari selepas pengiriman, sekiranya dikirim melalui pos;
 - ii. pada masa penyerahan, sekiranya melalui serahan tangan atau kurier;
 - iii. pada masa notis dihantar melalui e-mel atau lain-lain bentuk komunikasi segera (termasuk SMS dan rakaman suara).
 - b. Ahli Kad bersetuju bahawa semua maklumat dan data peribadi yang diberikan dalam permohonan Kad adalah benar, terkini dan tepat dan sekiranya terdapat perubahan pada sebarang maklumat atau data peribadi Ahli Kad, Ahli Kad akan memaklukkannya kepada pihak Bank dengan segera.
 - c. Ahli Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan dan penyimpanan maklumat yang Ahli Kad terima dan akan memastikan notis-notis yang dihantar oleh pihak Bank tidak didedahkan atau diberi akses kepada mana-mana pihak lain (“pendedahan kepada pihak ketiga”).
 - d. Melainkan sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan atau liabiliti adalah secara langsung disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian atau penipuan pihak Bank, Ahli Kad bersetuju bahawa pihak Bank dalam sebarang keadaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kerugian atau kerosakan untuk sebarang keadaan yang dialami oleh Ahli Kad akibat daripada atau yang disebabkan oleh mana-mana:
 - i. kerosakan atau kecacatan dalam penghantaran maklumat atas apa jua sebab;
 - ii. ketidaktepatan, ketidaklengkapan, kelewatan atau ketidaksampaian sebarang maklumat yang dihantar atau maklumat disalah hantar kepada mana-mana pihak ketiga;
 - iii. akses yang salah, tidak dibenarkan atau tidak wajar untuk penggunaan atau tafsiran maklumat yang dihantar; dan
 - iv. tuntutan untuk memfitnah atau fitnah yang timbul daripada penghantaran sebarang maklumat kecuali jika timbul dari dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian pihak Bank atau kelalaian yang disengajakan. Pemberitahuan tersebut boleh dihantar dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.
- 10.3
- Ahli Kad hendaklah mengakui yang berikut:
- a. Pihak Bank boleh merekod semua perbualan telefon di antara Ahli Kad dan wakil pihak Bank bagi tujuan pengawasan dan penilaian untuk mengelakkan timbulnya sebarang kekeliruan; dan
 - b. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya pihak ketiga yang tidak dibenarkan mendengar perbualan telefon tersebut, kecuali jika disebabkan oleh kecuaiian atau kelalaian yang disengajakan oleh pihak Bank (mengikut mana-mana yang berkenaan).
- 10.4
- Kebenaran untuk Arahan telefon, telefon bimbit dan e-mel.
- a. Ahli Kad memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk bergantung kepada dan bertindak bersesuaian dengan sebarang notis, arahan tuntutan atau komunikasi lain yang mungkin diberi melalui transaksi telefon atau e-mel oleh Ahli Kad atau bagi pihaknya dan pihak Bank berhak untuk menjalankan Arahan tersebut sebagaimana telah diberi kebenaran penuh oleh Ahli Kad dan pihak Bank berhak mengambil langkah-langkah berdasarkan arahan yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank.
 - b. Ahli Kad memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk berkomunikasi dengan Ahli Kad melalui pelbagai saluran, termasuk telefon, e-mel atau SMS, maklumat yang berkaitan dengan Akaun Kad Ahli Kad dengan pihak Bank.

11 TANGGUNGJAWAB DAN LIABILITI

- 11.1 Kad adalah kekal sebagai harta pihak Bank pada setiap masa dan Ahli Kad tidak boleh pindah milik atau melepaskan kawalan atau pegangan Kad bagi sebarang penggunaan atau tujuan yang tidak dibenarkan oleh pihak Bank.
- 11.2 Pihak Bank boleh mempertanggungjawabkan Ahli Kad terhadap:
- a. Transaksi Kad tidak sah dimana pengesahan tandatangan atau PIN diperlukan, dengan syarat Ahli Kad terbukti telah:
 - i. melakukan penipuan;
 - ii. lewat memaklumkan pihak Bank selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan Kad tidak dibenarkan;
 - iii. mendedahkan PIN dengan sengaja kepada pihak lain; atau
 - iv. mencatatkan PIN di atas Kad atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad dan berkemungkinan hilang atau dicuri bersama Kad.
 - v. Kad atau barangan yang mengandungi Kad ditinggalkan tanpa pengawasan, di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh pihak lain, kecuali di tempat kediaman Ahli Kad. Ahli Kad diharapkan dapat mengambil langkah berjaga-jaga dan perhatian sewajarnya dalam melindungi Kad walaupun di tempat kediaman Ahli Kad; atau
 - i. membenarkan pihak lain menggunakan Kad secara sengaja.
 - b. Transaksi e-perbankan, dengan syarat Ahli Kad terbukti telah:
 - i. melakukan penipuan;
 - ii. sengaja mendedahkan kata laluan (ID) dan kod laluan kepada mana-mana pihak, melalui e-mel yang tidak dikenali atau di laman sesawang selain dari laman sesawang rasmi pihak Bank;
 - iii. tidak mengambil langkah yang munasabah untuk melindungi peranti keselamatan setiap masa; atau
 - iv. gagal melaksanakan kewajipan untuk melaporkan pelanggaran keselamatan kod laluan atau kehilangan peranti keselamatan kepada pihak Bank dengan segera yang munasabah, apabila Ahli Kad menyedari tentang pelanggaran keselamatan kod laluan atau kehilangan peranti keselamatan.
 - c. Transaksi Tanpa Kad, dengan syarat Ahli Kad terbukti telah:
 - i. melakukan penipuan; atau
 - ii. gagal melaksanakan kewajipan untuk melaporkan sebarang transaksi tidak dibenarkan kepada pihak Bank dengan segera yang munasabah, apabila Ahli Kad menyedari tentang transaksi tidak dibenarkan tersebut.
- 11.3 Ahli Kad hendaklah memaklumkan pihak Bank dengan segera dalam masa empat belas (14) hari dari Tarikh Penyata sekiranya Ahli Kad menyedari tentang kewujudan sebarang transaksi yang tidak dibenarkan.
- 11.4 Pihak Bank di atas permintaan Ahli Kad boleh tetapi tanpa mempunyai kewajipan di sisi undang-undang, menggantikan Kad yang hilang atau dicuri sebaik sahaja caj penggantian Kad seperti dinyatakan di bawah Klausa 18.8 dibayar.
- 11.5 Sekiranya Kad hilang atau dicuri, PIN telah terdedah kepada mana-mana pihak lain dan/atau berlaku penggunaan Kad tidak dibenarkan, Ahli Kad hendaklah menghubungi pihak Bank dengan segera di 03-8230 2222 atau 03-8230 2323 (untuk Kad Premium AFFIN).
- 11.6 Ahli Kad hendaklah memotong Kad melintasi jalur magnetik dan cip dan memulangkan Kad tersebut kepada pihak Bank dengan serta-merta selepas pembatalan atau penggantungan (atas permintaan pihak Bank) atau sebaik sahaja Kad ditemui semula selepas pemberitahuan mengenai kehilangannya dibuat dan Ahli Kad dengan ini tidak mempunyai hak lanjutan untuk menggunakan Kad tersebut.

- 11.7 Rekod Bank tentang sebarang transaksi yang dilakukan melalui penggunaan Kad adalah muktamad dan terikat terhadap Ahli Kad.
- 11.8 Aktiviti yang Menyalahi Undang-undang - Ahli Kad tidak dibenarkan menggunakan Kad untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti pertaruhan haram dalam talian. Pihak Bank berhak, mengikut budi bicaranya pada bila-bila masa, boleh memutuskan untuk menggantung atau menghadkan penggunaan Kad oleh Ahli Kad atau dengan notis terlebih dahulu yang mencukupi untuk tidak memperbaharui, membatalkan atau memansuhkan Kad sekiranya Ahli Kad didapati telah menggunakan Kad untuk Aktiviti yang Menyalahi Undang-undang.
- 11.9
- a. Yang mana berkenaan, Ahli Kad hendaklah patuh dengan Notis Pertukaran Asing (Notis PA) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) berkaitan dengan mana-mana transaksi, termasuk transaksi luar negara dan sebarang pengeluaran tunai oleh bukan permastautin hendaklah memenuhi tujuan aktiviti-aktiviti di sektor sebenar, sebagaimana tersedia di laman sesawang BNM.
 - b. Ahli Kad memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mengambil sebarang langkah untuk mematuhi Notis PA yang berkaitan dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa berkenaan dengan sebarang transaksi Kad. Di mana berkenaan, Ahli Kad hendaklah mematuhi Notis PA sedia ada yang dikeluarkan oleh BNM dan menggunakan Kad tersebut dalam had dan peruntukan yang dikenakan oleh BNM.
 - c. Ahli Kad akan bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan-peraturan dan had-had tersebut, dan pindaan terhadap Notis PA dan Ahli Kad hendaklah menanggung rugi dan melindungi pihak Bank daripada dan terhadap semua tuntutan, liabiliti dan kerosakan yang timbul daripada kegagalan Ahli Kad untuk mematuhi peraturan tersebut kecuali tuntutan, liabiliti dan kerosakan tersebut adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya, keingkaran atau penipuan oleh pihak Bank.
- 11.10 Ahli Kad hendaklah menggunakan Kad tersebut untuk pembelian runcit dan pembayaran Barangan dan Perkhidmatan Halal sahaja.
- 11.11 Ahli Kad mengakui dan bersetuju bahawa dimana Kad digunakan untuk pembayaran barangan dan perkhidmatan yang tidak-halal, pihak Bank mempunyai hak untuk menggantung dan/atau membatalkan penggunaan Kad dan Ahli Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesemua transaksi-transaksi tidak-halal tersebut.

12 KAD TAMBAHAN

- 12.1 Pihak Bank hendaklah mengeluarkan Kad Ahli Tambahan kepada ahli keluarga terdekat Ahli Kad sahaja seperti ibubapa, isteri atau suami, anak-anak dan adik-beradik Ahli Kad.
- 12.2 Ahli Kad Tambahan hendaklah bertanggungjawab untuk semua caj yang dilakukan oleh Ahli Kad Tambahan sahaja di bawah Akaun Kad.
- 12.3 Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab memastikan bahawa Ahli Kad Tambahannya mematuhi semua terma, syarat dan obligasi yang dikenakan.
- 12.4 Kad Tambahan yang dikeluarkan boleh dibatalkan atas makluman permintaan Ahli Kad berserta dengan Kad Tambahan yang telah dipotong melintasi jalur magnetik dan cip dan dipulangkan kepada pihak Bank di mana pembatalan tersebut tidak menjejaskan hak, tanggungjawab dan kewajipan pihak-pihak yang terlibat sebelum pembatalan tersebut.
- 12.5 Sebaik sahaja penggunaan Kad tersebut dibatalkan di atas permintaan Ahli Kad ataupun di bawah apa jua keadaan, penggunaan semua Kad Tambahan hendaklah juga dibatalkan.

13 AKAUN KAD

- 13.1 Semua bayaran untuk pembelian barangan atau perkhidmatan yang dilakukan melalui penggunaan Kad, yuran tahunan, Kadar Keuntungan, caj ganti rugi untuk pembayaran lewat (Ta'widh) atau caj-caj tambahan akan didebitkan ke Akaun Kad dan ditunjukkan di dalam Penyata bulanan.
- 13.2 Pengeluaran Tunai, yuran dan caj yang dilakukan oleh Ahli Kad termasuk sebarang bayaran atau kredit yang dilakukan akan direkodkan oleh pihak Bank di dalam Penyata bulanan.
- 13.3 Sekiranya tiada kesilapan nyata, rekod-rekod dan kemasukan-kemasukan Akaun Kad yang tertera di dalam Penyata bulanan akan dianggap benar dan mengikat Ahli Kad kecuali pemberitahuan melalui telefon atau e-mel diterima oleh pihak Bank dalam masa empat belas (14) hari dari Tarikh Penyata. Dalam keadaan tertentu, seperti dalam membantu siasatan, Ahli Kad mungkin juga dikehendaki untuk menghantar laporan polis disertai dengan pengesahan bertulis kepada pihak Bank.
- 13.4 Apabila pemberitahuan tersebut diberikan oleh Ahli Kad dalam tempoh yang ditetapkan, pihak Bank akan meneliti Akaun Kad Ahli Kad untuk membuat penyelarasan dan pembetulan yang perlu, jika ada. Operasi Klausula ini, tidak boleh dengan apa-apa cara menjejaskan kewajipan Ahli Kad di Klausula 14 dengan syarat bahawa sebarang wang yang perlu dibayar kepada atau diterima daripada Ahli Kad hendaklah dikreditkan atau didebitkan ke dalam Akaun Kad Ahli Kad.
- 13.5 Sekiranya terdapat baki yang tidak mencukupi dalam Akaun Kad untuk membayar sebarang transaksi atau amaun lain yang perlu dibayar daripada Akaun Kad, termasuk yuran, caj atau bayaran lain yang perlu dibayar kepada Bank, atas sebarang sebab termasuk sebarang kelulusan yang salah yang diberikan atau sebarang kesilapan di pihak Bank seperti salah mengkreditkan sebarang amaun ke Akaun Kad atau salah mendebit sebarang amaun ke Akaun Kad atau disebabkan sebarang kesilapan atau kesalahan:-
- (a) Bank boleh mengikut budi bicaranya, memindahkan atau mengatur pemindahan dana yang mencukupi daripada mana-mana akaun lain yang dipegang oleh Ahli Kad dengan Bank, kepada Akaun Kad (tanpa sebarang kewajipan untuk berbuat demikian);
 - (b) Walaupun perkara yang bertentangan di sini, Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh membuat pelarasan atau pembetulan yang diperlukan dan mengkredit/debit Akaun Kad dengan sewajarnya dan Ahli Kad dengan ini tidak boleh ditarik balik dan tanpa syarat bersetuju untuk membayar sebarang jumlah yang didebitkan ke Akaun Kad.
- 13.6 Sekiranya berlaku sebarang kesilapan atau kesalahan untuk sebarang sebab lain di mana pelarasan, pembalikan atau pembatalan perlu dibuat kepada transaksi dalam Akaun Kad atau untuk debit/kredit ke Akaun Kad untuk menggambarkan jumlah yang betul, Bank berhak untuk membuat sebarang pelarasan/pembalikan/pembatalan dengan sewajarnya dan Ahli Kad dengan ini tidak boleh ditarik balik dan tanpa syarat bersetuju untuk membayar sebarang jumlah yang didebitkan ke Akaun Kad. Sebarang catatan dalam penyata Akaun Kad yang diperbetulkan mengikut peraturan adalah mengikat Ahli Kad.

14 HAD KEMUDAHAN

- 14.1 Pihak Bank di atas budi bicaranya akan menentukan had kemudahan yang diluluskan kepada Ahli Kad.
- 14.2 Sekiranya Ahli Kad memiliki 2 atau lebih Kad dengan pihak Bank, had kemudahan bergabung akan diperuntukkan kepada Ahli Kad, yang mewakili Had Kemudahan keseluruhan yang diberikan untuk meliputi penggunaan semua Kad yang dipegang oleh Ahli Kad, sekiranya ada.

- 14.3 Ahli Kad tidak boleh melebihi Had Kemudahan tanpa persetujuan bertulis dari pihak Bank diperolehi terlebih dahulu dan dengan segera membayar pihak Bank setelah menerima Penyata bulanan dan/atau notis lain yang diberikan oleh pihak Bank yang menunjukkan lebihan tersebut, mengikut Klausa 15.1 (b) (ii).

15 KEWAJIPAN MEMBAYAR

- 15.1 Ahli Kad dikehendaki membuat pembayaran seperti berikut:
- a. Membayar keseluruhan jumlah Baki Semasa sebelum atau pada Tarikh Kena Dibayar.
 - b. Sebagai alternatif, membuat Bayaran Minimum seperti berikut:
 - i. Yang mana Baki Semasa berada di dalam lingkungan Had Kemudahan, tidak kurang daripada bayaran minimum yang dikira pada 5% daripada Baki Semasa* + 100% Cukai Perkhidmatan (jika ada) + 100% daripada sebarang ansuran bulanan** (jika ada) + 100% jumlah Kena Dibayar yang terdahulu*** (jika ada), atau RM50, yang mana lebih tinggi;
 - ii. Yang mana Baki Semasa melebihi Had Kemudahan, keseluruhan jumlah lebihan bersama-sama dengan bayaran minimum yang dikira pada 5% daripada Baki Semasa* + 100% Cukai Perkhidmatan (jika ada) + 100% daripada sebarang ansuran bulanan** (jika ada) + 100% jumlah Kena Dibayar yang terdahulu*** (jika ada).

*Baki Semasa = Transaksi runcit (jika ada) + jumlah Pengeluaran Tunai (jika ada) + caj Keuntungan dan/atau caj Bayaran Lewat dan sebarang yuran dan caj (jika ada).

**Ansuran bulanan merujuk kepada Pelan Pembayaran Tetap (FPP), Pelan Ansuran Pindahan Baki (BTiP), Ansuran Tunai Melalui Telefon (CIP), Pelan Bayaran Mudah (EPP) dan Penukaran Baki Automatik (ABC).

*** Jumlah bayaran minimum yang tidak dibayar dalam bulan-bulan yang lepas

- 15.2 Bayaran yang diterima dari Ahli Kad akan diperuntukkan untuk menyelesaikan jumlah baki belum jelas yang dikenakan caj keuntungan yang lebih tinggi dahulu.

- 15.3 Bayaran berlebihan/budi bicara untuk menguruskan baki kredit dalam akaun kad:
- a. Bayaran berlebihan tidak digalakkan
 - b. Sekiranya terdapat bayaran berlebihan, bayaran berlebihan akan dikendalikan dengan cara yang ditentukan dalam Klausa 15.2 di atas;
 - c. Bank juga akan bertindak mengikut Klausa 24 mengenai Hak Untuk Mengumpul dan Menolak Selesai;
 - d. Sekiranya masih ada baki kredit setelah menggunakan bayaran berlebihan ("wang berlebihan") dan ada permintaan dari Ahli Kad untuk pengembalian dana/pengeluaran/pemindahan: -
 - i. Bank mempunyai budi bicara untuk menolak permintaan Ahli Kad untuk pengembalian dana/pengeluaran/pemindahan ke akaun lain dengan Bank;
 - ii. Ahli Kad perlu memberikan bukti dokumen bahawa lebihan wang itu adalah daripada sumber yang sah. Hanya apabila Bank berpuas hati dengan kesahihan wang berlebihan tersebut, wang yang berlebihan itu akan dibenarkan untuk dikembalikan/ditarik/dipindahkan ke akaun seperti yang diarahkan oleh Ahli Kad.
 - e. Bayaran Berlebihan tidak merujuk kepada baki kredit melibatkan caj-caj yang dipertikaikan tetapi termasuk baki kredit berikutan pemulangan barangan dagangan.

16 TEMPOH BEBAS KADAR KEUNTUNGAN UNTUK TRANSAKSI RUNCIT

- 16.1. Sekiranya Ahli Kad telah menyelesaikan sepenuhnya baki yang belum dijelaskan pada bulan sebelumnya seperti yang dibuktikan di dalam Penyata bulan semasa, Ahli Kad akan menikmati "Tempoh Bebas Kadar Keuntungan" untuk Transaksi Runcit sekurang-kurangnya dua puluh (20) hari kalendar bermula dari tarikh bulan semasa Penyata di mana Transaksi Runcit tersebut

diposkan ke Akaun Kad dan Kadar Keuntungan tidak akan dikenakan ke atas mana-mana Transaksi Runcit baharu untuk Tempoh Bebas Kadar Keuntungan tersebut. Bagi Ahli Kad yang belum menyelesaikan sepenuhnya baki yang belum dijelaskan pada bulan sebelumnya, mereka tidak akan menikmati Tempoh Bebas Kadar Keuntungan.

17 KADAR KEUNTUNGAN (menjadi sebahagian daripada Harga Jualan yang perlu dibayar kepada pihak Bank)

- 17.1. Kadar Keuntungan dikira pada asas harian dan dikenakan ke atas yang berikut:
 - a. Baki belum jelas transaksi Pengeluaran Tunai bermula dari tarikh transaksi sehingga tarikh bayaran penuh dibuat;
 - b. Transaksi Runcit belum jelas pada Tarikh Kena Dibayar dikira serta merta selepas Tarikh Penyata di mana transaksi telah dipos sehingga tarikh bayaran penuh dibuat.
- 17.2. Kadar Keuntungan akan dikenakan ke atas jumlah prinsipal transaksi seperti dinyatakan di Klausula 17.1. di atas sahaja. Kadar Keuntungan tidak akan dikenakan ke atas bahagian baki yang berkaitan dengan Kadar Keuntungan yang dibawa ke hadapan dari Penyata sebelumnya.
- 17.3. Transaksi Runcit baharu yang dibuat dalam kitaran Penyata seterusnya sebelum Tarikh Penyata tidak akan dikenakan Kadar Keuntungan.
- 17.4. Ahli Kad yang membuat sekurang-kurangnya Bayaran Minimum sebelum atau pada Tarikh kena Dibayar akan menerima rebat Kadar Keuntungan yang terpakai bagi bulan (bulan) yang terlibat.
- 17.5. Untuk Ahli Kad yang membuat pembayaran kurang daripada bayaran penuh sebelum atau pada Tarikh Kena Dibayar, Kadar Keuntungan ke atas transaksi runcit baharu akan dikenakan dari tarikh transaksi dipos ke dalam Akaun Kad dalam Penyata semasa.
- 17.6. Kadar Keuntungan boleh dikenakan dengan menggunakan formula berikut:

$$f = (B) \times (P/D) \times (R)$$

- f** adalah Kadar Keuntungan untuk baki B tertentu yang dikira ke atas tempoh P hari.
- B** adalah baki yang dikenakan Kadar Keuntungan.
- P** adalah tempoh keuntungan masing-masing dalam kiraan hari yang mana baki B dikenakan dengan Kadar Keuntungan.
- D** adalah bilangan hari yang digunakan sebagai asas untuk kadar tahunan.
- R** adalah kadar tahunan Kadar Keuntungan nominal yang dinyatakan.

Nota: Jumlah Kadar Keuntungan dikenakan bagi bulan tersebut adalah jumlah semua Kadar Keuntungan (f) yang dikira ke atas baki yang berbeza yang mungkin dikenakan Kadar Keuntungan sepanjang tempoh keuntungan yang diguna pakai semasa bulan tersebut.

Produk	Kadar Keuntungan Efektif (setahun)	
	Transaksi Runcit	Transaksi Pengeluaran Tunai
<ul style="list-style-type: none"> • AFFIN DIVENTIUM • AFFIN INVIKTA Visa Infinite • AFFIN INVIKTA World Mastercard • AFFIN World Mastercard • AFFIN AVANCE™ Visa • AFFIN AVANCE™ Mastercard • AFFIN AVANCE™ Afiliasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Peringkat 1 - 15% setahun jika Ahli Kad telah menjelaskan bayaran minimum tepat pada masanya untuk tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut. • Peringkat 2 - 17% setahun jika Ahli Kad telah menjelaskan bayaran minimum tepat pada masanya 	18% setahun daripada jumlah yang dikeluarkan sehingga tarikh pembayaran penuh

Produk	Kadar Keuntungan Efektif (setahun)	
	Transaksi Runcit	Transaksi Pengeluaran Tunai
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN AVANCE™ Visa/Mastercard dengan Kemudahan Tunai AFFIN DUO+ (AFFIN DUO+ Visa dan AFFIN DUO+ Mastercard) AFFIN Signature AFFIN Platinum Mastercard AFFIN UKM Alumni Premier World AFFIN UKM Alumni Mastercard AFFIN UiTM AFFIN MPN AFFIN DUO (AFFIN DUO Visa Cash Back dan AFFIN DUO Mastercard Rewards) AFFIN Mastercard Gold AFFIN Mastercard Classic AFFIN Mastercard Basic 	<p>untuk tempoh sekurang-kurangnya sepuluh (10) bulan dalam kitaran 12 bulan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Peringkat 3 - 18% setahun jika rekod pembayaran Ahli Kad tidak berada dalam mana-mana kategori di atas 	<p>amaun tersebut</p>
<ul style="list-style-type: none"> AFFIN AURA 	<ul style="list-style-type: none"> Tahun pertama – 8% setahun Tahun kedua dan seterusnya: Peringkat 1 - 9% setahun jika anda telah menjelaskan bayaran minimum tepat pada masanya untuk tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut; Peringkat 2 - 12% setahun jika anda telah menjelaskan bayaran minimum tepat pada masanya untuk tempoh sekurang-kurangnya sepuluh (10) bulan dalam kitaran 12 bulan; Peringkat 3 - 18% setahun jika rekod pembayaran anda tidak berada dalam mana-mana kategori di atas. 	<p>18% setahun daripada jumlah yang dikeluarkan sehingga pembayaran balik penuh dibuat.</p>

- 17.7. Sekiranya Ahli Kad gagal membuat Bayaran Minimum yang dinyatakan selepas Tarikh Matang Bayaran, caj ganti rugi untuk pembayaran lewat (Ta'widh) maksimum sebanyak 1% daripada jumlah baki yang belum dijelaskan, sehingga maksimum RM100, yang mana lebih rendah akan dikenakan. Caj pembayaran lewat akan dikenakan atas budi bicara pihak Bank dan mungkin berubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari dari tarikh perubahan tersebut kepada Ahli Kad.
- 17.8. Bayaran oleh Ahli Kad tidak akan dianggap sebagai telah dibuat sehinggalah pihak Bank menerima pembayaran tersebut dan direkodkan di dalam sistem pihak Bank.
- 17.9. Segala bayaran oleh Ahli Kad kepada pihak Bank tidak boleh tertakluk pada apa-apa potongan, sama ada untuk tuntutan balas dan/atau tolak-selesai dengan Pedagang Yang Dibenarkan, saluran tunai dan/atau pihak Bank. Ahli Kad tetap bertanggungjawab untuk membayar dan tidak akan menahan pembayaran kepada pihak Bank atas sebarang tuntutan atau pertikaian dengan Pedagang Yang Dibenarkan atau dalam apa jua keadaan sekalipun.

- 17.10. Ahli Kad mengaku janji bahawa akan membuat persediaan yang sewajarnya untuk melakukan pembayaran ke Akaun Kadnya mengikut terma dan syarat sekiranya berada di luar negara.

18 YURAN DAN CAJ

Ahli Kad bersetuju untuk membayar dan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendebit Akaun Kadnya dengan yuran dan caj seperti berikut:

- 18.1 Yuran Pengeluaran Tunai sebanyak 5% ke atas jumlah Pengeluaran Tunai tertakluk pada bayaran minimum RM20, yang mana lebih tinggi bagi Pengeluaran Tunai domestik dan luar negara.
- 18.2 Yuran tahunan seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank untuk Kad dikeluarkan atau diperbaharui. Yuran tahunan tidak akan dikembalikan.
- 18.3 Kadar Keuntungan seperti yang dinyatakan di dalam Klausula 17.
- 18.4 Caj ganti rugi atas pembayaran lewat (Ta'widh) seperti yang dinyatakan di bawah Klausula 17.7.
- 18.5 Minimum RM5 akan dikenakan bagi penghantaran Kad atas permintaan. Yuran tersebut akan ditentukan mengikut kawasan dan berat barang.
- 18.6 Yuran sebanyak RM5 bagi setiap salinan ke atas sebarang permintaan untuk salinan pendua Penyata. Walau bagaimanapun, caj ini tidak akan dikenakan sekiranya kemudiannya ditentukan bahawa kesilapan dalam pemprosesan berpunca dari pihak Bank.
- 18.7 Yuran sebanyak RM10 bagi setiap salinan akan dikenakan terhadap sebarang permintaan untuk salinan pendua Draf Jualan. Walau bagaimanapun, caj tersebut tidak akan dikenakan sekiranya kemudiannya ditentukan bahawa kesilapan dalam pemprosesan berpunca dari pihak Bank.
- 18.8 Caj penggantian Kad sebanyak RM450 untuk kad AFFIN DIVENTIUM, RM50 untuk Kad AFFIN INVIKTA Visa Infinite, AFFIN INVIKTA World Mastercard, AFFIN World Mastercard, AFFIN AVANCE™ Visa, AFFIN AVANCE™ Mastercard, AFFIN AVANCE™ Afiliasi, AFFIN AVANCE™ Visa/Mastercard dengan Kemudahan Tunai, AFFIN DUO+ (AFFIN DUO+ Visa dan AFFIN DUO+ Mastercard), AFFIN Signature, AFFIN Platinum Mastercard, AFFIN UKM Alumni Premier World, AFFIN UKM Alumni Mastercard, AFFIN UiTM, AFFIN MPN, AFFIN DUO (AFFIN DUO Visa Cash Back dan AFFIN DUO Mastercard Rewards), AFFIN AURA, AFFIN Mastercard Gold and AFFIN Mastercard Classic dan RM20 untuk Kad AFFIN Mastercard Basic bagi setiap Kad gantian yang dikeluarkan.
- 18.9 Cukai Perkhidmatan sebanyak RM25 akan dikenakan pada tarikh Kad diaktifkan dan pada tarikh ulang tahun Kad diaktifkan pada tahun berikutnya.
- 18.10 Yuran Penyata Kad sebanyak RM1.00 sebulan dikenakan untuk setiap salinan cetak Penyata Kad. Yuran ini terpakai untuk Ahli Kad yang memilih untuk menerima Penyata cetak dengan pengecualian untuk Ahli Kad yang berumur 60 tahun dan ke atas.
- 18.11 Yuran guaman (atas dasar Peguam dan Pelanggan) dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh pihak Bank bagi tujuan menguatkuasakan hak dan kelayakan pihak Bank serta tuntutan ke atas wang yang terhutang oleh Ahli Kad kepada pihak Bank di bawah Akaun Kadnya.
- 18.12 Sebarang yuran dan caj munasabah lain yang dikenakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa untuk perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad dengan

memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Ahli Kad sebelum tarikh pelaksanaan berkuat kuasa.

- 18.13 Meskipun begitu, pihak Bank berhak mengikut budi bicaranya untuk mengubah kadar atau cara pengiraan yuran tahunan, caj-caj pengendalian, caj-caj tambahan, Kadar Keuntungan, Bayaran Minimum yang ditentukan dan/atau caj ganti rugi untuk pembayaran lewat (Ta'widh) dari semasa ke semasa dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Ahli Kad.

19 KESILAPAN/PERCANGGAHAN DAN PEMBERITAHUAN

- 19.1 Ahli Kad dikehendaki untuk memeriksa rekod Akaun Kad dengan cermat dan dengan kadar segera.
- 19.2 Penyata Ahli Kad tidak akan dihantar sekiranya akaun tersebut tidak mempunyai baki atau tiada transaksi dari Tarikh Penyata sebelumnya.
- 19.3 Pihak Bank akan mengeluarkan surat atau makluman cetakan komputer kepada Ahli Kad untuk semua pindahan dana yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad.
- 19.4 Ahli Kad hendaklah memaklumkan pihak Bank mengenai sebarang kesilapan di dalam Penyata Akaun Ahli Kad atau kemungkinan transaksi yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Kad dalam masa empat belas (14) hari dari Tarikh Penyata.
- 19.5 Ahli Kad hendaklah membuat pemberitahuan dengan segera sebaik sahaja menerima surat atau Penyata Kad daripada pihak Bank secara terus kepada:

AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD
Jabatan Perniagaan Kad
Tingkat 5, Menara AFFIN
Lingkar TRX, Tun Razak Exchange,
55188 Kuala Lumpur

Pusat Panggilan : 03-8230 2222; atau
03-8230 2323 (untuk Kad Premium AFFIN)

Atau membuat laporan dengan melengkapkan borang aduan pelanggan di mana-mana cawangan Bank yang berdekatan atau e-mel ke yourvoice@affingroup.com

Jika masalah atau aduan Ahli Kad masih juga tidak selesai dalam jangka masa yang dijanjikan, Ahli Kad boleh menghubungi pihak-pihak yang berikut:

- Hubungi BNMLINK di 1-300-88-5465, (9.00 pagi - 5.00 petang, Isnin hingga Jumaat); Tulis kepada BNMLINK, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur; Borang Web eLINK di <https://bnmlink.bnm.gov.my>;
- Hubungi Ombudsman for Financial Services (OFS) di 03-2272 1577; atau
- Hubungi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di 03-2616 7766 bagi perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit dan pengurusan semula hutang secara percuma bagi individu.

20 PENGECUALIAN LIABILITI

- 20.1 Sekiranya berlaku urus niaga yang dipertikaikan yang sedang disiasat, Ahli Kad boleh menahan pembayaran ke atas transaksi ini sehingga siasatan selesai. Dalam tempoh ini, tiada caj kewangan akan dikenakan ke atas jumlah yang dipertikaikan.

- 20.2 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas perbuatan atau peninggalan mana-mana Pedagang Yang Dibenarkan atau Visa International/Mastercard International termasuk keengganan Pedagang Yang Dibenarkan untuk menerima Kad atau sebarang kecacatan atau kerosakan pada mana-mana barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh Pedagang Yang Dibenarkan.
- 20.3 Ahli Kad boleh mengendalikan mana-mana tuntutan atau pertikaian secara terus dengan Pedagang Yang Dibenarkan atau Visa International/Mastercard International tetapi, ianya tidak akan melepaskan Ahli Kad daripada sebarang tanggungjawab untuk membayar kepada pihak Bank amaun terhutang hasil daripada penggunaan Kad oleh Ahli Kad seperti yang dinyatakan di dalam Penyata.

21 HAK-HAK PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT

- 21.1 Pihak Bank mempunyai hak:
- untuk menyekat atau menghad atau menolak kredit Ahli Kad dan menahan kredit (mengikut budi bicara pihak Bank dan dengan notis dan sebab).
 - untuk melakukan semakan kredit ke atas Ahli Kad dengan pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS dan mana-mana agensi kredit lain pada bila-bila masa dan apabila ia dianggap sesuai dengan notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad melainkan Ahli Kad membantah secara bertulis pemeriksaan tersebut dilakukan. Dengan memohon Kad atau apa-apa kemudahan tambahan berkaitan dengan Kad yang dikeluarkan oleh pihak Bank, Ahli Kad dengan ini telah memberi kebenaran kepada CTOS, FIS, CCRIS dan lain-lain Agensi Pelaporan Kredit, untuk memberi laporan kredit mereka kepada pihak Bank dan/atau wakil pihak Bank yang sah bagi tujuan membolehkan pemprosesan kemudahan atau transaksi dan sebarang proses yang berkaitan yang timbul daripadanya termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian kredit, pemantauan, semakan kredit dan tujuan tuntutan semula hutang.

22 TRANSAKSI LUAR NEGARA

- 22.1 Ahli Kad boleh menggunakan Kad di luar Malaysia di mana terdapatnya Pedagang Yang Dibenarkan dan/atau Visa International/Mastercard International.
- 22.2 Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk Pengeluaran Tunai melalui ATM yang telah ditetapkan dan hendaklah memastikan semua transaksi antara negara yang dibuat oleh Ahli Kad melalui ATM tidak melanggar undang-undang semasa negara di mana transaksi tersebut dilakukan.
- 22.3 Dimana Ahli Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, transaksi yang dibuat akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia yang mana kadar pertukaran akan ditentukan oleh Visa International/Mastercard International pada tarikh transaksi berkenaan diproses oleh Visa International/Mastercard International berserta margin pertukaran mata wang asing sebanyak 1% (sebelum ini dikenali sebagai kos pentadbiran).
- 22.4 Sekiranya PIN tidak disokong atau tidak boleh dilaksanakan untuk transaksi di luar negara, tandatangan Ahli Kad diperlukan oleh Pedagang Yang Dibenarkan di Terminal Tempat Jualan Elektronik.

23 PENAMATAN, PENGANTUNGAN ATAU PENYEKATAN PENGGUNAAN KAD

- 23.1 Pihak Bank boleh memutuskan untuk tidak memperbaharui, membatalkan atau menggantung atau menghadkan penggunaan Kad oleh Ahli Kad dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kepada Ahli Kad, melainkan jika diperlukan oleh mana-mana pihak berkuasa/agensi/perintah mahkamah, dimana segala wang yang terhutang kepada pihak Bank

di bawah Akaun Kadnya akan menjadi matang dan mesti dibayar sepenuhnya dengan segera sekiranya terjadi kejadian yang berikut atau mana-mana satu daripadanya:

- a. Jika Ahli Kad melanggar mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Perjanjian ini dalam apa jua cara;
- b. Ahli Kad meninggal dunia atau hilang kemampuan untuk membayar, melakukan kegiatan yang menjurus kepada kemufilsan, atau di dalam kes-kes di mana Ahli Kad merupakan sebuah syarikat, satu petisyen untuk penggulangannya telah diserahkan atau satu resolusi untuk penggulangan secara sukarela telah diluluskan;
- c. Ahli Kad gagal membayar sebarang hutang yang terhutang di bawah Akaun Kad dan/atau sebarang kemudahan kredit lain dengan pihak Bank apabila ia perlu dibayar.
- d. Sekiranya pada pandangan pihak Bank, kemudahan kredit Ahli Kad dengan pihak Bank (termasuklah mana-mana akaun Ahli Kad yang mungkin wujud dengan pihak Bank atau mana-mana institusi lain) adalah atau telah tidak dioperasi secara baik dan/atau sekiranya Ahli Kad melakukan atau mengugut untuk melakukan pengingkaran terhadap mana-mana peruntukan mana-mana perjanjian, atau dokumen sekuriti atau kedua-duanya (mengikut mana yang berkenaan), berkaitan dengan akaun-akaun yang lain atau kemudahan pembiayaan yang diberikan oleh pihak Bank atau mana-mana institusi lain kepada Ahli Kad atau mana-mana pihak lain yang mana Ahli Kad merupakan penjamin, penggadai atau penyerah hak;
- e. Sebarang arahan untuk pelaksanaan, writ penahanan, garnishmen atau mana-mana prosiding undang-undang yang dikeluarkan terhadap Ahli Kad;
- f. Jika pihak Bank mengikut budi bicaranya memutuskan bahawa kedudukan kewangan Ahli Kad sedang atau telah merosot dan/atau Ahli Kad tidak lagi mempunyai berkeupayaan untuk memenuhi kewajipan di dalam Perjanjian ini atau telah mengalami kemerosotan atau menjejaskan pembayaran Kemudahan Had Pembiayaan atau pembayaran Bayaran Minimum yang perlu dibayar;
- g. Kad digunakan untuk transaksi atau sebagai bayaran berkaitan dengan Aktiviti yang Menyalahi Undang-undang;
- h. Ahli Kad disyaki, dihubungkan atau dikaitkan dengan Aktiviti yang Menyalahi Undang-undang; atau
- i. Ahli Kad membatalkan Kad.

23.2 Sebaik selepas pembatalan Kad atau selepas pemansuhan, penggantungan atau penyekatan hak Ahli Kad untuk menggunakan Kad, Ahli Kad, hendaklah, atas permintaan pihak Bank, menjelaskan Akaun Kad sepenuhnya seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank. Ahli Kad akan tetap bertanggungjawab terhadap sebarang transaksi yang dilakukan menerusi penggunaan Kad (sama ada sebelum atau selepas Kad ditamatkan), termasuk transaksi yang telah dilakukan tetapi belum direkodkan ke Akaun Kad.

23.3 Sekiranya Ahli Kad ingin menamatkan atau membatalkan Kad, Ahli Kad perlu memotong Kad melintasi jalur magnetik dan cip untuk memastikan Kad tersebut rosak sepenuhnya dan segera dipulangkan kepada pihak Bank, dengan notis bertulis bahawa Kad dipulangkan untuk penamatan/pembatalan. Penamatan atau pembatalan AFFIN DUO+ dan AFFIN DUO akan terpakai untuk **kedua-dua** AFFIN DUO+ Visa, AFFIN DUO+ Mastercard dan AFFIN DUO Visa Cash Back dan AFFIN DUO Mastercard Rewards. Walaupun penamatan/pembatalan Kad, Ahli Kad akan terus bertanggungjawab ke atas semua kewajipan yang dibuat sebelum pembatalan tersebut dan juga untuk setiap dan semua pelanggaran Perjanjian ini sebelum pembatalan tersebut. Tiada bayaran balik yuran tahunan dan cukai perkhidmatan atau sebahagian daripadanya akan dibuat kepada Ahli Kad.

24 HAK UNTUK MENGUMPUL DAN MENOLAK SELESAI

Pihak Bank pada bila-bila masa, selepas memberikan notis tujuh (7) hari calendar terlebih dahulu kepada Ahli Kad, boleh mengabungkan, mengumpul atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Ahli Kad, samada akaun semasa, pelaburan atau sebaliknya, dengan liabiliti kepada pihak Bank

dan/atau pihak Bank boleh menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah wang yang tetap kepada kredit mana-mana akaun tersebut termasuk akaun bersama dan akaun milikan tunggal dalam atau ke arah pemenuhan mana-mana liabiliti Ahli Kad kepada Bank. Jika akaun Ahli Kad berada dalam mata wang lain dan penukaran kepada Ringgit Malaysia diperlukan, Ahli Kad membenarkan Bank untuk melaksanakan sebarang gabungan, penyatuan, tolakan atau pemindahan sedemikian dengan penukaran yang diperlukan pada petukaran lazim Bank.

25 LAIN-LAIN

25.1 UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan menurut Undang-undang Malaysia. Ahli Kad bersetuju terhadap bidang kuasa Mahkamah Undang-undang di Malaysia. Ahli Kad bersetuju bahawa proses penyampaian boleh dikuatkuasakan dengan makluman diberikan kepada Ahli Kad dengan cara yang disebutkan di dalam Klausula 25.8.

25.2 PENEPIAN

Masa hendaklah menjadi intipati Perjanjian ini tetapi kegagalan untuk melaksanakan dan penangguhan untuk melaksanakan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tidak akan dianggap sebagai penepian bagi pihak Bank dan mana-mana sesuatu pelaksanaan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tidak akan menghalang pelaksanaan selanjutnya atau pelaksanaan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang lain. Hak dan remedi di dalam Perjanjian ini adalah kumulatif dan bukan mengecualikan mana-mana hak atau remedi yang diberikan oleh undang-undang.

25.3 PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN

Walau apapun yang terkandung di dalam Perjanjian ini, hak dan kelayakan pihak Bank di bawah Perjanjian ini akan kekal berkuat kuasa dan mempunyai efek dan melewati sebarang pembatalan, pemansuhan dan penangguhan penggunaan Kad oleh pihak Bank.

25.4 VARIASI PERJANJIAN

Ahli Kad bersetuju bahawa pihak Bank berhak dari semasa ke semasa mengubah, menambah atau meminda terma dan syarat di dalam Perjanjian ini, tertakluk kepada prinsip Syariah, dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Ahli Kad. Sekiranya Ahli Kad tidak bersetuju dengan variasi, penambahan dan/atau pindaan tersebut, Ahli Kad perlu mengembalikan Kad yang dipotong dua melintasi jalur magnetik dan cip kepada pihak Bank dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh notis yang dikeluarkan oleh pihak Bank. Jika tidak Ahli Kad dianggap telah menerima variasi, penambahan dan/atau pindaan tersebut.

25.5 PENDEDAHAN

Ahli Kad memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan apa jua maklumat berkaitan dengan Akaun Kad Ahli, Ahli Kad dan kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana pihak kawal selia berkuasa bagi pelaksanaan Perjanjian ini:

- a. Kepada mana-mana Pedagang Yang Dibenarkan, bank atau institusi kewangan, Visa International/Mastercard International dan mana-mana ahli institusi Visa International/Mastercard International atau mana-mana pihak yang berminat untuk memudahkan penggunaan Kad tersebut.
- b. Kepada mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak Bank, mana-mana pihak penjamin/sekuriti dan/atau peguam atau ejen pemungut hutang atau penyelia perkhidmatan.
- c. Untuk atau berkaitan dengan mana-mana tindakan atau prosiding yang diambil untuk mendapat kembali wang yang kena dibayar dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada pihak Bank.

Pihak Bank akan mengekalkan semua keperluan Standard Keselamatan Data Industri Kad Pembayaran (PCI DSS) yang berkaitan setakat mana yang pihak Bank miliki atau simpan, proses atau menghantar data Ahli Kad bagi pihak Ahli Kad, atau setakat mana pihak Bank dapat mempengaruhi keselamatan persekitaran data Ahli Kad.

25.6 DOKUMEN LANJUTAN

Ahli Kad beraku janji untuk menandatangani dokumen-dokumen lanjutan yang mungkin diminta oleh pihak Bank dari semasa ke semasa, tertakluk kepada prinsip Syariah yang mungkin dikehendaki oleh undang-undang atau oleh pihak Bank untuk menguatkuasa atau melengkapkan Perjanjian ini.

25.7 PENYAMPAIAN SAMAN DAN PENYATA TUNTUTAN

Pihak-pihak dalam Perjanjian ini bersetuju bahawa penyampaian saman dan penyata tuntutan yang berpunca daripada Perjanjian ini melalui pos ke alamat terakhir Ahli Kad yang dinyatakan dalam borang permohonan Bank atau alamat lain yang dimaklumkan kepada pihak Bank oleh Ahli Kad dari semasa ke semasa akan dianggap telah disampaikan lima (5) hari selepas pengeposan saman dan penyata tuntutan dibuat.

25.8 EJEN PEMUNGUT PIHAK KETIGA

- a. Pihak Bank berhak melantik seorang ejen untuk memungut semua jumlah yang kena dibayar oleh Ahli Kad kepada pihak Bank di bawah Perjanjian ini.
- b. Pihak Bank mempunyai hak pada bila-bila masa untuk mendedahkan nombor akaun Ahli Kad dan mana-mana maklumat berkaitan untuk perkara-perkara berkaitan Akaun Kad untuk memungut semua atau sebarang jumlah yang kena dibayar dan terhutang dengan pihak Bank oleh Ahli Kad dengan memberi notis tujuh (7) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad.

25.9 SIJIL KETERHUTANGAN

Sijil Keterhutangan yang dikeluarkan oleh pihak Bank adalah bukti terakhir dan muktamad di Mahkamah Undang-undang ke atas jumlah tertunggak Ahli kad yang kena dibayar dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada pihak Bank kecuali jika terdapat kesalahan yang nyata

25.10 PENGASINGAN

Ketidaksahan atau ketidakbolehan penguatkuasaan sebarang peruntukan di dalam Perjanjian ini tidak akan secara sebahagian besarnya membatalkan maksud yang mendasari Perjanjian ini dan peruntukan yang tidak sah atau tidak dapat dilaksanakan hendaklah diasingkan dan ketidaksahan dan ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana terma atau peruntukan Perjanjian ini tidak akan menjejaskan kesahan atau penguatkuasaan terma atau peruntukan lain yang terkandung di dalam Perjanjian ini yang mana terma atau peruntukan akan terus berkuat kuasa dan berkesan.

25.11 PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN PERCAMBAHAN DAN SEKATAN KEWANGAN BERSASAR (AML/CFT/CPF dan TFS untuk institusi kewangan)

Pihak Bank diwajibkan di bawah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan, Pencegahan Pembiayaan Percambahan dan Sekatan Kewangan Bersasar (AML/CFT/CPF dan TFS untuk institusi kewangan) dan/atau lain-lain undang-undang dan peraturan-peraturan untuk melaporkan transaksi tertentu kepada BNM dan/atau pihak berkuasa lain yang berkaitan dan Ahli Kad membenarkan dan bersetuju bahawa pihak Bank, pegawai dan pekerjanya tidak menanggung sebarang liabiliti untuk membuat laporan tersebut.

25.12 KLAUSA PRIVASI KUMPULAN

- a. Ahli Kad dinasihatkan untuk membaca dan memahami Notis Privasi Bank yang terdapat di AffinAlways.com. Bagi mengelakkan keraguan, Ahli Kad bersetuju bahawa Notis Privasi

- Kumpulan tersebut akan dianggap telah dimasukkan dengan merujuk kepada Perjanjian ini.
- b. Sekiranya Ahli Kad memberi maklumat peribadi dan/atau maklumat kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan saudara mara atau tanggungan atau maklumat berkaitan dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu dan pemberi sekuriti (bagi syarikat), bagi tujuan pembukaan atau operasi akaun/kemudahan dengan pihak Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan pihak Bank, Ahli Kad:
 - i. mengesahkan bahawa dia telah mendapat persetujuan mereka dan/atau selainnya berhak untuk memberikan maklumat ini kepada pihak Bank bagi tujuan mengikut perjanjian ini;
 - ii. bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; dan
 - iii. bersetuju untuk mengemaskini maklumat kepada pihak Bank secara bertulis sekiranya berlaku apa-apa perubahan yang material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut.
 - c. Dimana Ahli Kad mengarahkan pihak Bank untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi merentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), butiran yang berkaitan dengan transaksi merentas sempadan (termasuk maklumat berkaitan kepada mereka yang terlibat di dalam transaksi tersebut) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) dengan pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan tugas sah mereka (contoh, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan pihak Bank atau ejen-ejennya untuk memasuki apa-apa transaksi merentas sempadan bagi pihak Ahli Kad, Ahli Kad dengan ini bersetuju pendedahan yang disebut di atas bagi pihaknya dan lain-lain yang terlibat dalam transaksi merentas sempadan tersebut.
 - d. Ahli Kad akan memaklumkan pihak Bank pada bila-bila masa untuk pilih keluar sekiranya Ahli Kad tidak ingin menerima komunikasi pemasaran dari pihak Bank atau ahli-ahli lain dari Kumpulan Syarikat Affin Bank Berhad (Kumpulan ABB) dengan menghubungi Pusat Perhubungan Bank di talian 03-2830 2222 atau dengan menulis kepada Perkhidmatan Pengurus Cawangan di cawangan perkhidmatan diperolehi atau kepada pejabat Kumpulan ABB atau dengan menulis kepada Jabatan Perniagaan Kad

AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD
Jabatan Perniagaan Kad
Tingkat 5, Menara AFFIN
Lingkar TRX, Tun Razak Exchange
55188 Kuala Lumpur

- e. Ahli Kad mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti Penyata akaun dan laman sesawang pihak Bank yang mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan lain pihak Bank yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/ perkhidmatan dan/atau produk-produknya, operasi akaun Ahli Kad dan/atau kemudahan dengan pihak Bank, dan/atau kos tambahan kepada pihak Bank.
- f. Pihak Bank boleh menggunakan agensi rujukan kredit untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila ada keperluan untuk:
 - i. menyemak butiran pada permohonan kredit dan berkaitan kredit atau lain-lain kemudahan;
 - ii. menguruskan kredit dan akaun atau kemudahan berkaitan kredit, termasuk menjalankan ulasan portfolio Ahli Kad; dan/atau;
 - iii. mendapatkan semula hutang.
- g. Ahli Kad akan dihubungkan oleh agensi-agensi rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang mungkin digunakan atau telah digunakan, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Pihak Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Ahli Kad dan

bagaimana pengurusnya menguruskan akaun/ kemudahan dengan agensi-agensi rujukan kredit yang berkaitan.

- h. Pihak Bank berhak untuk meminda Klausu Privasi ini dari semasa ke semasa dengan meletakkan pindaan tersebut di laman sesawang Bank atau melalui notis pindaan di ruang perbankan atau di lokasi yang mudah dilihat di cawangan-cawangan pihak Bank. Pindaan tersebut akan berkuat kuasa selepas dua puluh satu (21) hari kalendar selepas notis pindaan pertama dibuat.
- i. Klausu ini adalah tambahan kepada keperluan peraturan BNM mengenai pendedahan maklumat.

25.13 CUKAI

Sebarang jumlah dalam Perjanjian ini tidak termasuk sebarang Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau cukai yang serupa ("Cukai").

Sekiranya satu pihak ("Vendor") diperlukan oleh Perjanjian ini untuk penyediaan pembekalan kepada pihak lain ("pihak lain") pembekalan tersebut akan dibuat tanpa mengenakan sebarang Cukai. Sekiranya Cukai tersebut diwajibkan oleh undang-undang untuk dibayar oleh Vendor, pihak lain akan membayar Cukai yang diminta kepada Vendor. Vendor akan mengeluarkan invoice Cukai yang sah kepada pihak lain.

25.14 IBRA' (REBAT)

Bank boleh memberikan Ibra' (rebat) ke atas sebahagian atau kesemua keuntungan daripada Harga Jualan Bank kepada Ahli Kad selepas penyelesaian dan pembatalan kemudahan ini.

25.15 TERMA DAN SYARAT LAIN

Terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini akan dianggap sebagai tambahan dan bukannya mengatasi mana-mana perjanjian atau susun atur spesifik berkaitan dengan setiap kemudahan di bawah kemudahan Kad semasa atau pada masa hadapan dari semasa ke semasa di antara pihak Bank dan Ahli Kad atau mana-mana terma dan syarat yang mungkin dinyatakan di dalam mana-mana surat tawaran yang diberikan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad dari semasa ke semasa.

Selaras dengan komitmen pihak Bank untuk meningkatkan kemudahan dan faedah Ahli Kad, pihak Bank mempunyai hak untuk menilai semula dan menyemak ciri-ciri dan faedah-faedah yang disenaraikan di dalam Perjanjian ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu, melalui laman sesawang pihak Bank atau notis bertulis kepada Ahli Kad. Ahli Kad dinasihatkan untuk merujuk kepada terma dan syarat yang dikemas kini di laman sesawang pihak Bank di AffinAlways.com dari semasa ke semasa. Terma dan syarat terkini yang terdapat di laman sesawang pihak Bank terpakai selepas dua puluh satu (21) hari kalendar sekiranya Ahli Kad tidak bertindak balas mengikut Klausu 25.4 Perjanjian ini.

Versi terma dan syarat Bahasa Inggeris boleh didapati di AffinAlways.com

JABATAN PERNIAGAAN KAD AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD

Isi kandungan © 2025 Affin Islamic Bank Berhad
(Versi 20 – 16 Januari 2025)